

Syarat pertimbangan Dr. Mahathir berucap di perhimpunan agung

PULAU PINANG 15 Ogos - Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad sedia mengambil inisiatif membawa cadangan membenarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad berucap pada perhimpunan agung parti itu, November ini atau bersempena dengan anggota Majlis Tertinggi (MT).

Katanya, pelbagai cadangan berkenaan boleh dibawa ke mesyuarat MT UMNO untuk dibincangkan tetapi dengan syarat bekas Perdana Menteri itu berhenti daripada terus membuat tuduhan terhadap kerajaan terlebih dahulu sebelum UMNO membuat sebarang keputusan.

"Saya boleh dikatakan anak UMNO, dia (Dr. Mahathir) macam bapa UMNO, kita anak-anak minta tolong Tun, hentikan cakap, lepas itu kita bincang, baru jadi elok," katanya yang mengakui menerima banyak cadangan daripada pelbagai pihak yang mahukan pertikaian antara Dr. Mahathir dengan pucuk pimpinan negara dihentikan segera.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penganugerahan Pangkat (Kehormat) Rela kepada Ketua Menteri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini semalam.

Beliau diminta mengulas saranan Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir agar UMNO memberi pe-

luang kepada bapanya berucap pada Perhimpunan Agung UMNO bagi membolehkan bapanya mengemukakan apa juga pandangan dan kemusykilan terhadap isu-isu yang dibangkitkan selama ini.

Selain itu, ada pihak-pihak lain juga sebelum ini pernah mencadangkan agar bekas presiden parti itu diberi peluang meluahkan segala pandangannya dalam

mesyuarat MT UMNO.

Dr. Mahathir tidak berpuas hati dengan pucuk pimpinan negara apabila mendakwa tidak menjawab empat persoalan yang dibangkitkannya - isu pembatalan jambatan bengkok, penjualan MV Augusta, Proton serta permit import (AP) kereta.

Radzi turut ditanya mengenai kenyataan Dr. Mahathir yang bersedia berhenti dari-

pada terus mempersoalkan kepimpinan negara sekiranya kerajaan menarik balik pembatalan projek jambatan bengkok menggantikan Tambak Johor.

"Jangan buat syarat macam itu, mari kita bincang dahulu, kita sedia bincang apa sahaja cadangan, kalau Tun kala o.k., saya akan berhenti (kritik kerajaan), mari kita bincang, baguslah," ujarnya.